

Kajian Perbandingan Program Muzium dan Pendidikan di Tiga Buah Daerah di Selangor dan di Muzium Sultan Alam Shah

*M. Muzamil
S. Mohd. Shahrin
H. Sarina*

ABSTRAK

Kertas kerja penyelidikan ini adalah satu kajian perbandingan terhadap Program Muzium dan Pendidikan yang telah dianjurkan di tiga buah daerah di Selangor dan di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam. Daerah-daerah tersebut ialah Kuala Selangor, Kuala Langat dan Klang. Program di setiap daerah disertai oleh 100 pelajar daripada 4 buah sekolah dengan masing-masing menghantar 25 orang pelajar. Keseluruhan program yang telah dijalankan melibatkan 12 buah sekolah. Setiap program di muzium pula telah disertai oleh 25 orang dari dua buah sekolah dengan jumlah keseluruhan program yang dijalankan adalah sebanyak empat siri. Ia melibatkan lapan buah sekolah dengan bilangan pelajar seramai 200 orang. Borang soal selidik diedar untuk dipenuhi oleh setiap pelajar setelah berakhir setiap program. Soalan berkisar kepada keberkesanan dan persekitaran di sepanjang program tersebut dijalankan. Analisis korelasi antara dua faktor terpilih dilakukan untuk menilai keberkesanan program yang telah dijalankan. Keputusan analisis ($r = 0.91, 0.84$ dan 0.88) menunjukkan program ini berjaya mencapai matlamatnya untuk menjadikan muzium sebagai pusat pendidikan tidak formal di mana penggunaan sumber-sumber muzium akan menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan kreatif.

Kata kunci: *Muzium, program pendidikan, pendidikan tidak formal.*

Pengenalan

Pendidikan tidak formal boleh dicapai melalui pelbagai cara yang tidak khusus seperti melalui interaksi berbahasa dengan ibu bapa dan rakan-rakan; melalui media permainan bagi memantapkan kemahiran psikomotor, melalui media komunikasi seperti radio dan televisyen, dan melalui bahan-bahan bercetak seperti buku, majalah dan akhbar (Sufean 1996). Tujuan pendidikan di negara ini adalah untuk melahirkan individu manusia atau rakyat Malaysia yang terdidik dalam pelbagai aspek kehidupan agar mereka matang berfikir, berkemahiran untuk memikul tanggungjawab dan mempunyai komitmen untuk mendokong aspirasi negara agar hasrat pembangunan masyarakat dari segi fizikal, material dan spiritual dapat dicapai sepenuhnya. Adalah menjadi tanggungjawab kepada pihak muzium untuk mendalami cara-cara bagaimana mengembangkan proses pembelajaran dan pendidikan melalui penggunaan sumber-sumber di muzium untuk merealisasikan hasrat murni ini. Bidang pendidikan dewasa ini telah menjadi agenda atau misi utama bagi semua muzium. Muzium berpotensi dalam memenuhi permintaan bagi pembelajaran yang berterusan (Mc Lean 1997). Industri permuziuman telah memulakan idea *edutainment* iaitu penekanan kepada dua elemen: pendidikan dan hiburan atau keseronokan (Goodlad & McIvor 1998). Pengajaran dan pembelajaran boleh dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti pendidikan muzium seperti pameran tetap dan sementara di muzium, mengadakan kegiatan luar atau projek kerjasama, menyediakan khidmat pinjaman untuk penyertaan pameran, membantu pengajaran atau pembelajaran dan untuk tujuan-tujuan lain dan penubuhan kelab, rakan atau sukarelawan muzium (Anon 1998).

Tujuan utama pihak Lembaga Muzium Selangor mengadakan program pendidikan adalah untuk:

- i. memberi perkhidmatan sosial yang lebih berkesan kepada masyarakat terutamanya pelajar sekolah menengah di mana penggunaan sumber-sumber muzium akan menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan kreatif,
- ii. untuk memberi pendedahan tentang skop, tugas permuziuman dan tanggungjawab yang diamanahkan kepada staf Lembaga Muzium Selangor,
- iii. mendapat maklum balas daripada para pelajar tentang artifak atau bahan sejarah yang mereka ketahui atau milik keluarga, dan

- iv. menanamkan rasa tanggungjawab untuk memelihara khazanah budaya bangsa.

Program Muzium dan Pendidikan yang telah dijalankan di Muzium Sultan Alam Shah, Selangor telah mendapat sambutan yang menggalakkan (Muzamil et al. 2001). Dari program ini, lahirlah program susulan iaitu Program Muzium dan Pendidikan peringkat daerah-daerah di negeri Selangor. Objektif penyelidikan ini adalah untuk mengkaji keberkesanan program yang dianjurkan oleh pihak muzium yang menggunakan pendekatan atau modul yang sama seperti program di muzium. Tiga buah daerah yang terpilih adalah Kuala Selangor, Klang dan Kuala Langat.

Bahan dan Kaedah

Program Muzium dan Pendidikan

Program Muzium dan Pendidikan sebanyak tiga sesi ini melibatkan para pelajar dari 12 buah sekolah menengah terpilih di tiga daerah di Selangor. Pegawai-pegawai Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pejabat Pendidikan Daerah dan guru-guru turut dijemput sama. Bagi satu hari program, sebanyak empat buah sekolah dijemput di mana setiap sebuah sekolah menghantar seramai 25 orang pelajar Tingkatan 4 atau 5. Seramai 100 pelajar terlibat semasa sesi 1 dan 3, namun sesi 2 hanya melibatkan 90 pelajar. Jumlah keseluruhan pelajar yang terlibat dalam program ini adalah seramai 290 orang. Program berpusat di daerah terpilih ini direka khas untuk pelajar sekolah menengah dan mengikut modul-modul seperti dalam Jadual 1.

Program dan Pelaksanaan

Untuk setiap sesi di setiap daerah, sebuah sekolah dipilih sebagai pusat program. Program pendidikan ini diadakan pada hari Sabtu berlangsung selama lima jam bermula dari jam 8.00 pagi hingga 1.00 petang. Setiap pembentang modul akan memberi khidmat pendidikan dan penerangan selama setengah jam, diikuti dengan sesi soal-jawab. Maklumat Program Muzium dan Pendidikan di daerah-daerah negeri Selangor yang telah diadakan adalah seperti dalam Jadual 2. Pada akhir setiap program, borang soal selidik diedarkan dan setiap peserta dikehendaki menjawab soalan yang dikemukakan untuk tujuan penilaian.

Jadual 1: Modul, Tajuk dan Fasilitator Program Muzium dan Pendidikan

| MODUL* | TAJUK** | FASILITATOR |
|--------|---|--|
| 1 | Penerangan am tentang muzium dan penyediaan pameran. | Kurator Bahagian Pengurusan atau Penolong Kurator. |
| 2 | Arkeologi, pemuliharaan artifak, pengurusan koleksi dan pemuliharaan monumen lama. | Kurator Bahagian Antikuiti atau Penolong Kurator. |
| 3 | Aktiviti-aktiviti penyelidikan, penerbitan, pendidikan dan pengurusan Pusat Sumber. | Kurator Bahagian Penyelidikan atau Penolong Kurator. |
| 4 | Aktiviti-aktiviti kesenian, kebudayaan dan penerangan. | Pegawai Kebudayaan & Penerangan atau Penolong Kurator. |

* Modul-modul pada dasarnya adalah merupakan pembahagian mengikut Bahagian Pengurusan, Penyelidikan, Antikuiti dan Kebudayaan dan Penerangan.

** Tajuk-tajuk disesuaikan dengan silibus sekolah menengah.

Jadual 2: Sekolah yang menyertai Program Muzium dan Pendidikan di Daerah Negeri Selangor

| Tarikh | Sekolah |
|--------------|--|
| Sesi pertama | Sekolah Menengah Seri Tanjung, Kuala Selangor. Sekolah Menengah Jeram, Kuala Selangor. Sekolah Menengah Sultan Abdul Aziz, Kuala Selangor.* Sekolah Agama Menengah Jeram, Kuala Selangor. |
| Sesi kedua | Sekolah Menengah Kebangsaan Sultan Abdul Samad, Klang. Sekolah Agama Menengah Hisamuddin, Klang.* Sekolah Menengah Tengku Ampuan Rahimah, Klang. Sekolah Menengah Tinggi, Klang. |
| Sesi ketiga | Sekolah Menengah Jugra, Kuala Langat. Sekolah Agama Menengah Tinggi, Kuala Langat.* Sekolah Menengah Sultan Abdul Samad, Kuala Langat. Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Datok, Kuala Langat. |

*Pusat Program Muzium dan Pendidikan dijalankan

Analisis Data

Analisis data adalah untuk mendapatkan bilangan individu, peratusan, min dan korelasi. Analisis korelasi dapat menunjukkan perhubungan antara dua faktor (Saidi 1987) iaitu kemampuan fasilitator dengan interaksi peserta, keberkesanan alat pandang dengar dengan kejayaan program dan kemampuan pihak penganjur dengan sambutan peserta.

Hasil dan Perbincangan

Analisis korelasi antara dua faktor menunjukkan satu hubungan positif yang signifikan bagi program di daerah-daerah iaitu; kemampuan fasilitator dengan interaksi peserta ($r = 0.91$), keberkesanan alat pandang dengar dengan kejayaan program ($r = 0.84$) dan kemampuan pihak penganjur dengan sambutan peserta ($r = 0.88$). Perbincangan analisis setiap soalan yang telah dikemukakan semasa program di daerah-daerah dibandingkan dengan program di muzium (Muzamil et. al. 2001) untuk melihat sejauh mana keberkesanan program ini kepada para pelajar sekolah menengah di daerah yang berkenaan.

Jadual 3: Analisis Soalan 1

| Tahap | Sesi 1 Individu/ Peratusan | Sesi 2 Individu/ peratusan | Sesi 3 Individu/ Peratusan | Purata Individu/ peratusan program di daerah | Purata Individu/ peratusan program di muzium |
|-----------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|---|---|
| Amat baik | 14 / 14 % | 3 / 3.3 % | 7 / 7 % | 8 / 8.3 % | 8 / 16.8 % |
| Baik | 54 / 54 % | 39 / 43.3 % | 60 / 60 % | 51 / 52.8 % | 30.3 / 62.8 % |
| Memuaskan | 29 / 29 % | 23 / 25.6 % | 26 / 26 % | 26 / 26.9 % | 8.3 / 17.2 % |
| Sederhana | 3 / 3 % | 20 / 22.2 % | 7 / 7 % | 10 / 10.3 % | 1.5 / 3.2 % |
| Lemah | 0 / 0 % | 5 / 5.6 % | 0 / 0 % | 1.6 / 1.7 % | 0 / 0 % |
| Jumlah | 100 / 100 % | 90 / 100 % | 100 / 100 % | | |

Jadual 3 menunjukkan respon para pelajar terhadap persediaan untuk mengikuti program yang telah dianjurkan. Peratusan tertinggi iaitu 52.8% menyatakan baik semasa mengikuti program ini di daerah, berbanding 62.8% di muzium. Ini menunjukkan peranan sekolah dalam pemilihan pelajar adalah penting kerana sebahagian besar pelajar telah bersedia daripada aspek mental dan fizikal bagi mengikuti program yang telah dianjurkan oleh pihak muzium. Pihak penganjur mengharapkan peserta yang telah menghadiri program ini dapat mewakili keseluruhan pelajar sekolah tersebut.

Jadual 4 menunjukkan respon pelajar terhadap fasilitator program ini adalah baik. Program di daerah dan muzium masing-masing mencatatkan 81.3% dan 95.8% yang berpuashati dengan penyampaian dan gaya persembahan fasilitator. Peranan fasilitator dalam menjayakan program ini penting dan secara amnya kesemua fasilitator berjaya menyampaikan khidmat pendidikan dan penerangan dengan berkesan walaupun ada segelintir responden menyatakan lemah.

Jadual 4: Analisis Soalan 2

| Tahap | Sesi 1 Individu/ Peratusan | Sesi 2 Individu/ Peratusan | Sesi 3 Individu/ Peratusan | Purata Individu/ peratusan program di daerah | Purata Individu/ peratusan program di muzium |
|-----------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|---|---|
| Amat baik | 22 / 22 % | 1 / 1.1 % | 5 / 5 % | 9.3 / 9.6 % | 8.75 / 18.5 % |
| Baik | 60 / 60 % | 20 / 22.3 % | 50 / 50 % | 43.3 / 44.8 % | 24.25 / 50.6 % |
| Memuaskan | 11 / 11 % | 30 / 33.3 % | 37 / 37 % | 26.0 / 26.9 % | 13 / 26.7 % |
| Sederhana | 7 / 7 % | 30 / 33.3 % | 6 / 6 % | 14.3 / 14.8 % | 1.75 / 3.6 % |
| Lemah | 0 / 0 % | 9 / 10 % | 2 / 2 % | 3.6 / 3.9 % | 0.25 / 0.6 % |
| Jumlah | 100 / 100 % | 90 / 100 % | 100 / 100 % | | |

Jadual 5 menunjukkan respon pelajar terhadap ketepatan masa pihak penganjur termasuk pelaksanaan program, kesesuaian masa dan jangka masa setiap sesi program. Lebih 60% menyatakan amat baik, baik dan memuaskan terhadap ketetapan masa program ini sama ada di daerah atau di muzium. Namun perlu diambil perhatian di sini terhadap peratusan yang menyatakan sederhana dan lemah (32.0% di daerah dan 36.1% di muzium) agak tinggi. Peranan fasilitator dan urusetia dalam menjayakan

Jadual 5: Analisis Soalan 3

| Tahap | Sesi 1 Individu/ Peratusan | Sesi 2 Individu/ Peratusan | Sesi 3 Individu/ Peratusan | Purata Individu/ peratusan program di daerah | Purata Individu/ peratusan program di muzium |
|-----------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|---|---|
| Amat baik | 26 / 26 % | 7 / 7.8 % | 1 / 1 % | 11.3 / 11.7 % | 1.5 / 3.2 % |
| Baik | 36 / 36 % | 22 / 24.4 % | 14 / 14 % | 24 / 24.9 % | 12.8 / 27.2 % |
| Memuaskan | 27 / 27 % | 24 / 26.7 % | 40 / 40 % | 30.3 / 31.4 % | 16 / 33.5 % |
| Sederhana | 10 / 10 % | 27 / 30 % | 36 / 36 % | 24.3 / 25.2 % | 14.3 / 29.6 % |
| Lemah | 1 / 1 % | 10 / 11.1 % | 9 / 9 % | 6.6 / 6.8 % | 3.25 / 6.5 % |
| Jumlah | 100 / 100 % | 90 / 100 % | 100 / 100 % | | |

program ini penting. Fasilitator dan urusetia mestilah lebih peka terhadap ketepatan masa. Namun fasilitator terpaksa mengambil lebih masa daripada yang telah ditetapkan kerana subjek-subjek tertentu memerlukan penerangan yang lebih lanjut serta menjawab soalan-soalan daripada para peserta. Walau bagaimanapun faktor ini harus diperbaiki pada masa-masa akan datang.

Jadual 6 menunjukkan peratusan tertinggi yang menyatakan baik sejumlah 43.5% di daerah, sebaliknya di muzium, 47.1% menyatakan amat baik terhadap kemudahan yang disediakan oleh pihak penganjur. Perbezaan ini agak ketara kerana program di daerah dijalankan di luar

Jadual 6: Analisis Soalan 4

| Tahap | Sesi 1 Individu/ Peratusan | Sesi 2 Individu/ Peratusan | Sesi 3 Individu/ Peratusan | Purata Individu/ peratusan program di daerah | Purata Individu/ peratusan program di muzium |
|-----------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|---|---|
| Amat baik | 47 / 47 % | 22 / 24.5 % | 16 / 16 % | 28.3 / 29.3 % | 22.5 / 47.1 % |
| Baik | 30 / 30 % | 36 / 40 % | 60 / 60 % | 42 / 43.5 % | 17.3 / 35.5 % |
| Memuaskan | 23 / 23 % | 19 / 21.1 % | 17 / 17 % | 19.6 / 20.3 % | 6 / 12.6 % |
| Sederhana | 0 / 0 % | 10 / 11.1 % | 7 / 7 % | 5.6 / 5.8 % | 2 / 4.3 % |
| Lemah | 0 / 0 % | 3 / 3.3 % | 0 / 0 % | 1 / 1.1 % | 0.25 / 0.5 % |
| Jumlah | 100 / 100 % | 90 / 100 % | 100 / 100 % | | |

muzium berbanding yang dijalankan di muzium. Kemudahan yang dapat dibawa keluar dari muzium untuk para pelajar adalah terhad. Secara umumnya, peranan penganjur telah terbukti yang terbaik dalam menyediakan kemudahan untuk pelajar yang menyertai program ini. Diharapkan usaha ini akan berterusan untuk program-program yang akan datang.

Jadual 7 menunjukkan respon pelajar terhadap keberkesanan alat pandang dengar. Peratusan responden yang menyatakan sederhana dan lemah adalah kecil (15.5% di daerah dan 5.0% di muzium). Sebahagian besar peserta berpuas hati dengan keberkesanan alat pandang dengar. Peranan alat bantuan mengajar atau alat pandang dengar adalah penting dalam era sains dan teknologi kini. Penggunaan 'direct projector', projektor slaid dan alat audio-visual memberi kesan yang positif kepada penerimaan para pelajar. Dengan penambahan penggunaan projektor LCD, pihak penganjur berjaya memberi khidmat pendidikan dan penerangan dengan kreatif dan menarik.

Jadual 7: Analisis Soalan 5

| Tahap | Sesi 1 Individu/ Peratusan | Sesi 2 Individu/ Peratusan | Sesi 3 Individu/ Peratusan | Purata Individu/ peratusan program di daerah | Purata Individu/ peratusan program di muzium |
|-----------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|---|---|
| Amat baik | 21 / 21 % | 6 / 6.7 % | 20 / 20 % | 15.6 / 16.2 % | 14.3 / 30.5 % |
| Baik | 35 / 35 % | 33 / 36.7 % | 32 / 32 % | 33.3 / 34.5 % | 21.8 / 45.0 % |
| Memuaskan | 37 / 37 % | 23 / 25.5 % | 38 / 38 % | 32.6 / 33.8 % | 9.5 / 19.5 % |
| Sederhana | 7 / 7 % | 20 / 22.2 % | 10 / 10 % | 12.3 / 12.8 % | 2.3 / 4.5 % |
| Lemah | 0 / 0 % | 8 / 8.9 % | 0 / 0 % | 2.6 / 2.7 % | 0.25 / 0.5 % |
| Jumlah | 100 / 100 % | 90 / 100 % | 100 / 100 % | | |

Jadual 8 menunjukkan respon pelajar terhadap kemampuan penganjur di dalam program ini. Hanya 10.6% dan 1.7% yang meragui kemampuan penganjur dalam program ini sama ada semasa program di daerah atau di muzium. Sebahagian besar peserta yakin dengan kemampuan muzium dan komitmen yang diberikan oleh staf muzium. Ini jelas menunjukkan Lembaga Muzium Selangor, dengan segala kemudahan yang ada serta dengan komitmen yang padu daripada stafnya, mampu menganjurkan program sedemikian pada masa-masa akan datang.

Jadual 8: Analisis Soalan 6

| Tahap | Sesi 1 Individu/ Peratusan | Sesi 2 Individu/ Peratusan | Sesi 3 Individu/ Peratusan | Purata Individu/ peratusan program di daerah | Purata Individu/ peratusan program di muzium |
|-----------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|---|---|
| Amat baik | 34 / 34 % | 9 / 10.0 % | 16 / 16 % | 19.6 / 20.3 % | 13.5 / 28.9 % |
| Baik | 48 / 48 % | 35 / 38.9 % | 52 / 52 % | 45 / 46.7 % | 26.5 / 55.5 % |
| Memuaskan | 13 / 13 % | 26 / 28.9 % | 26 / 26 % | 21.6 / 22.4 % | 6.75 / 13.9 % |
| Sederhana | 5 / 5 % | 18 / 20.0 % | 6 / 6 % | 9.6 / 10.0 % | 0.75 / 1.7 % |
| Lemah | 0 / 0 % | 2 / 2.2 % | 0 / 0 % | 0.6 / 0.6 % | 0 / 0 % |
| Jumlah | 100 / 100 % | 90 / 100.0 % | 100 / 100 % | | |

Jadual 9 menunjukkan respon pelajar terhadap kejayaan program. Amnya, lebih 90% peserta program di daerah dan di muzium menyatakan keyakinan terhadap kejayaan program ini. Peserta-peserta ini adalah daripada kalangan pelajar yang berpuas hati dengan semua acara program yang dijalankan. Pada keseluruhannya program ini berjaya menyampaikan maklumat dan memberi pemahaman kepada para pelajar tentang kepentingan institusi permuziuman dalam memelihara khazanah budaya bangsa.

Jadual 9: Analisis Soalan 7

| Tahap | Sesi 1 Individu/ Peratusan | Sesi 2 Individu/ Peratusan | Sesi 3 Individu/ Peratusan | Purata Individu/ peratusan program di daerah | Purata Individu/ peratusan program di muzium |
|-----------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|---|---|
| Amat baik | 35 / 35 % | 15 / 16.7 % | 23 / 23 % | 24.3 / 25.2 % | 13.8 / 29.1 % |
| Baik | 55 / 55 % | 28 / 31.1 % | 47 / 47 % | 43.3 / 44.9 % | 2.68 / 56.3 % |
| Memuaskan | 10 / 10 % | 32 / 35.6 % | 25 / 25 % | 22.3 / 23.1 % | 5.5 / 11.6 % |
| Sederhana | 0 / 0 % | 11 / 12.2 % | 5 / 5 % | 5.3 / 5.5 % | 1.3 / 2.5 % |
| Lemah | 0 / 0 % | 4 / 4.4 % | 0 / 0 % | 1.3 / 1.3 % | 0.25 / 0.5 % |
| Jumlah | 100 / 100 % | 90 / 100.0 % | 100 / 100 % | | |

Jadual 10 menunjukkan respon pelajar terhadap kesesuaian topik yang dikemukakan dengan penerimaan pelajar. Peratusan tertinggi iaitu masing-masing 44.9% dan 54.5% menyatakan baik pada program di daerah dan di muzium. Para peserta bersetuju dengan topik yang dikemukakan dan ia bersesuaian dengan tahap pemikiran mereka. Oleh itu topik-topik yang dibentangkan kepada para pelajar wajar dikekalkan dan dilakukan penambahbaikan berterusan agar sesuai dengan perkembangan semasa.

Jadual 10: Analisis Soalan 8

| Tahap | Sesi 1 Individu/ Peratusan | Sesi 2 Individu/ Peratusan | Sesi 3 Individu/ Peratusan | Purata Individu/ peratusan program di daerah | Purata Individu/ peratusan program di muzium |
|-----------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|---|---|
| Amat baik | 36 / 36 % | 11 / 12.2 % | 14 / 14 % | 20.3 / 21.0 % | 7.5 / 15.9 % |
| Baik | 41 / 41 % | 36 / 40 % | 53 / 53 % | 43.3 / 44.9 % | 26 / 54.5 % |
| Memuaskan | 21 / 21 % | 24 / 26.7 % | 28 / 28 % | 24.3 / 25.2 % | 13 / 27.5 % |
| Sederhana | 2 / 2 % | 13 / 14.4 % | 3 / 3. % | 6 / 6.2 % | 1 / 2.1 % |
| Lemah | 0 / 0 % | 6 / 6.7 % | 2 / 2 % | 2.6 / 2.7 % | 0 / 0 % |
| Jumlah | 100 / 100 % | 90 / 100 % | 100 / 100 % | | |

Jadual 11 menunjukkan respon pelajar terhadap interaksi pelajar dengan fasilitator. Sebahagian besar peserta adalah berpuas hati terhadap fasilitator. Staf muzium adalah peramah, berdedikasi dan berpengetahuan dalam hal permuziuman. Daripada analisis didapati kedua-dua pihak, fasilitator dan pelajar telah memainkan peranan yang proaktif bagi memastikan wujudnya komunikasi dua hala.

Jadual 12 menunjukkan respon pelajar terhadap program yang dianjurkan. Lebih 80% menyatakan amat berminat dan berminat menyertai Program Muzium dan Pendidikan ini. Sekalung penghargaan kepada semua sekolah yang terlibat dalam menjayakan program ini kerana berjaya memilih dan menghantar sebahagian besar pelajar yang benar-benar berminat untuk mengikuti program seumpamanya. Namun pihak Lembaga Muzium Selangor harus berusaha dan memastikan agar penyertaan akan datang adalah daripada kalangan mereka yang berminat terhadap kajian sejarah, amnya dan institusi pemuziuman, khususnya.

Jadual 11: Analisis Soalan 9

| Tahap | Sesi 1 Individu/ Peratusan | Sesi 2 Individu/ Peratusan | Sesi 3 Individu/ Peratusan | Purata Individu/ peratusan program di daerah | Purata Individu/ peratusan program di muzium |
|-----------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|---|---|
| Amat baik | 10 / 10 % | 5 / 5.6 % | 9 / 9 % | 8 / 8.3 % | 3.8 / 7.7 % |
| Baik | 50 / 50 % | 21 / 23.3 % | 44 / 44 % | 38.3 / 39.7 % | 22.5 / 47.4 % |
| Memuaskan | 26 / 26 % | 29 / 32.2 % | 32 / 32 % | 29 / 30.0 % | 17.8 / 37.5 % |
| Sederhana | 13 / 13 % | 28 / 31.1 % | 13 / 13 % | 18 / 18.6 % | 3.5 / 7.4 % |
| Lemah | 1 / 1 % | 7 / 7.8 % | 2 / 2 % | 3.3 / 3.4 % | 0 / 0 % |
| Jumlah | 100 / 100 % | 90 / 100.0 % | 100 / 100 % | | |

Jadual 12: Analisis Soalan 10

| Tahap | Sesi 1 Individu/ Peratusan | Sesi 2 Individu/ Peratusan | Sesi 3 Individu/ Peratusan | Purata Individu/ peratusan program di daerah | Purata Individu/ peratusan program di muzium |
|-----------------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|---|---|
| Amat berminat | 42 / 42 % | 16 / 17.8 % | 23 / 23 % | 27 / 27.9 % | 13 / 27.2 % |
| Berminat | 55 / 55 % | 54 / 60.0 % | 62 / 62 % | 57 / 59.0 % | 29.8 / 62.1 % |
| Terpaksa | 0 / 0 % | 10 / 11.1 % | 5 / 5 % | 5 / 5.2 % | 0.75 / 1.4 % |
| Mengikuti kawan | 1 / 1 % | 7 / 7.8 % | 2 / 2 % | 3.3 / 3.4 % | 0.75 / 1.6 % |
| Lain-lain | 2 / 2 % | 3 / 3.3 % | 8 / 8 % | 4.3 / 4.5 % | 3.5 / 7.7 % |
| Jumlah | 100 / 100 % | 90 / 100.0 % | 100 / 100 % | | |

Jadual 13 menunjukkan respon pelajar terhadap program ini sama ada diteruskan atau sebaliknya. Hampir semua peserta menyokong agar program ini diteruskan pada masa-masa akan datang. Dapat dibuat kesimpulan bahawa mereka percaya dan yakin program seumpama ini dapat membantu meningkatkan ilmu pengetahuan dan pemahaman mereka terhadap institusi permuziuman dan fungsinya kepada masyarakat.

Jadual 13: Analisis Soalan 11

| Tahap | Sesi 1 Individu/ Peratusan | Sesi 2 Individu/ Peratusan | Sesi 3 Individu/ Peratusan | Purata Individu/ peratusan program di daerah | Purata Individu/ peratusan program di muzium |
|--------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|---|---|
| Ya | 97 / 97 % | 84 / 93.3 % | 96 / 96 % | 92.3 / 95.5 % | 47.3 / 99.5 % |
| Tidak | 3 / 3 % | 6 / 6.7 % | 4 / 4 % | 4.3 / 4.5 % | 0.3 / 0.5 % |
| Jumlah | 100 / 100 % | 90 / 100.0 % | 100 / 100 % | | |

Jadual 14 menunjukkan respon pelajar terhadap program Rakan Muda Muzium. Sebahagian besar peserta menunjukkan kesediaan dalam mengikuti program Rakan Muda Muzium ini. Bilangan yang kurang berminat atau tidak berminat adalah jauh lebih kecil dan boleh diabaikan. Respon yang positif ini memberikan keyakinan kepada pihak muzium untuk menganjurkan program-program seumpamanya pada masa hadapan. Ini terbukti apabila “Program Rakan Muda” Lembaga Muzium Selangor telah berjaya direalisasikan pada pelancaran Perayaan Ulang tahun Kesepuluh Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam (Anon 1999), termasuk program yang lain seperti Kem Muzium Pendidikan dan Kumpulan Kebudayaan (Anon 2001).

Jadual 14: Analisis Soalan 12

| Tahap | Sesi 1 Individu/ Peratusan | Sesi 2 Individu/ Peratusan | Sesi 3 Individu/ Peratusan | Purata Individu/ peratusan program di daerah | Purata Individu/ peratusan program di muzium |
|-----------------|----------------------------------|----------------------------------|----------------------------------|---|---|
| Amat berminat | 65 / 65 % | 19 / 21.1 % | 35 / 35 % | 39.6 / 41.0 % | 21.8 / 46.1 % |
| Berminat | 31 / 31 % | 42 / 46.7 % | 46 / 46 % | 39.6 / 41.0 % | 22.8 / 48.4 % |
| Kurang berminat | 3 / 3 % | 21 / 23.3 % | 16 / 16 % | 13.3 / 13.8 % | 2.5 / 5.5 % |
| Tidak berminat | 1 / 1 % | 8 / 8.9 % | 3 / 3 % | 4 / 4.2 % | 0 / 0 % |
| Jumlah | 100 / 100 % | 90 / 100.0 % | 100 / 100 % | | |

Kesimpulan

Program yang diadakan di daerah-daerah di negeri Selangor menunjukkan dengan meningkatnya kemampuan fasilitator maka meningkatlah interaksi peserta terhadap fasilitator ($r = 0.91$). Penggunaan dan kemudahan alat pandang dengar menambahkan keberkesanan proses pendidikan selari dengan peningkatan kejayaan program dalam mendidik dan memberi pemahaman kepada pelajar ($r = 0.84$). Kemampuan pihak penganjur, iaitu Lembaga Muzium Selangor telah mendorong dan mencetus minat para pelajar terhadap Program Muzium dan Pendidikan ($r = 0.88$). Berdasarkan kepada hasil yang diperolehi, dapat dirumuskan bahawa Program Muzium dan Pendidikan di daerah-daerah negeri Selangor telah berjaya mencapai objektifnya untuk menjadikan muzium sebagai pusat pendidikan tidak formal. Namun, jika dibandingkan antara program di muzium dan di luar muzium (di daerah-daerah), didapati keseluruhan peserta memberikan respon yang lebih tinggi untuk program yang diadakan di muzium. Suasana muzium, kemudahan tersedia ada, persekitaran di luar sekolah dan lawatan berpandu mungkin menjadi faktor penggalak untuk para pelajar memberikan tumpuan terhadap program yang dijalankan.

Penghargaan

Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Lembaga Muzium Selangor, Ketua Pengarah Jabatan Muzium dan Antikuiti, Kuala Lumpur, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor, Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor, Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Selangor, Kuala Langat dan Klang, Pengetua-pengetua sekolah yang Puan Siti Muzli Seh Hashim dan Pengarah Kampus UiTM Cawangan Pahang, Kampus Jengka atas bantuan dan sokongan dalam menyediakan manuskrip ini.

Rujukan

Anon (1998). *Kertas Cadangan Program Muzium dan Pendidikan Tahun 1998*. Selangor: Lembaga Muzium Selangor.

Anon (1999). *Perayaan Ulangtahun Kesepuluh Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam*. Selangor: Lembaga Muzium Selangor.

Anon (2001). Muzium Pendidikan: Wadah Pembentukan Jati Diri Generasi Pewaris. *Buletin LMS*: 1.

Goodlad, S. & McIvor, S. (1998). *Museum Volunteers: Good Practices In The Management Of Volunteers*. London: Routledge.

McLean, F. (1997). *Marketing The Museum*. London: Routledge.

Muzamil, M., H. Sarina & M.N. Ramlan (2001). Program Muzium dan Pendidikan: Satu Kajian Awal Pendidikan Tidak Formal di Muzium Sultan Alam Shah, Shah Alam, Selangor. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*. 3: 9-15.

Saidi Moin (1987). *Biometri Permulaan*. Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sufean Hussin (1996). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

M. MUZAMIL & H. SARINA, Faculty of Applied Science, Universiti Teknologi MARA, Pahang.
mmuzamil@pahang.uitm.edu, sarina@pahang.uitm.edu.

S. MOHD. SHAHRIM, Muzium Sultan Alam Shah, Lembaga Muzium Selangor.